

# Tiga jawatankuasa kaji ketidakaksamaan gender

## Kerajaan hadapi cabaran untuk ubah mentaliti masyarakat

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Kabinet menuhkan tiga jawatankuasa bagi mengkaji semua dasar, undang-undang serta peraturan yang mempunyai unsur ketidakaksamaan gender, termasuk perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata jawatankuasa itu ditubuhkan selepas Kabinet pada mesyuaratnya bulan ini meluluskan permohonan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mahu perkara berkenaan dikaji secara terperinci.

"Seperti kita maklum, kementerian memperjuangkan semua undang-undang, dasar dan peraturan kerajaan yang tidak menjurus kepada ketidakaksamaan gender dikaji semula.

"Kabinet pada bulan ini meluluskan permohonan kementerian itu," katanya dalam sidang media selepas

mewakili Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada pelancaran sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan 2006 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil hadir bersama lebih 6,000 wanita termasuk pemimpin pertubuhan bukan kerajaan pada sambutan yang bertema 'Kesaksamaan Gender Rakyat Sejahtera'.

Pada majlis itu, Najib menyampaikannya anugerah kepada 10 Tokoh Perintis Pembangunan Wanita Malaysia, antaranya bekas menteri, Tun Fatimah Hashim; aktivis kebajikan, Datuk Lily Abdul Majeed dan aktivis kanak-kanak spastik, Puan Sri Prof Fatimah Hamid Don.

Radio Wanita (WFM), majalah *Her Voice* terbitan kementerian dan *La-*

*poran Analisis Bajet Gender*, turut dilancarkan.

Najib berkata, tiga jawatankuasa itu ialah Jawatankuasa Mengkaji Perlembagaan Persekutuan yang dipengerusikan Jabatan Peguam Negara, Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang dan Peraturan Imigresen (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) dan Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang dan Peraturan berkaitan pekerjaan (Kementerian Sumber Manusia).

Abdullah dalam teks ucapan yang dibacakan Najib pula berkata, sikap saling mengiktiraf dan menghormati antara lelaki dan wanita serta perubahan minda dan sokongan padu masyarakat akan membantu negara mencapai aspirasi kesaksamaan gender.

"Pengalaman membuktikan kesaksamaan gender tidak dapat diwujudkan melalui penggubalan undang-undang dan dasar saja," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua pi-

hak dari peringkat atasan termasuk ahli politik, pegawai tinggi kerajaan, pemimpin korporat dan seluruh akar umbi perlu menyokong dan bekerjasama dengan kementerian bagi mencapai kesaksamaan gender.

Abdullah berkata, cabaran utama negara ialah untuk mengubah tanggapan, persepsi serta mentaliti masyarakat supaya sesuai dengan situasi baru.

"Dalam konteks pembangunan wanita, perubahan mentaliti masyarakat terhadap peranan dan sumbangan wanita adalah salah satu syarat untuk menjadi masyarakat mentaliti kelas pertama.

"Kita semua, termasuk wanita sendiri, harus menyedari bahawa wanita hari ini bukan hanya berperanan sebagai ibu, isteri dan pengurus tugas rumah tangga tetapi juga berperanan sebagai pekerja, usahawan dan penyumbang ekonomi seiring golongan lelaki," katanya.